

29 MAY 2001

Syed Hamid-Keselamatan

KEADAAN TEGANG DI INDONESIA TAK JEJAS MESYUARAT G15

Oleh: Mohd Kamel Othman

JAKARTA, 29 Mei (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata bahawa Indonesia telah memberi jaminan Sidang Kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) tidak akan terjejas walaupun keadaan politik di republik itu kini tegang.

Beliau berkata Menteri Luar Indonesia Alwi Shihab telah memberi jaminan bahawa Sidang Kemuncak G15 akan diteruskan dan keadaan keselamatan di Indonesia khususnya di Jakarta terjamin.

Bercakap kepada wartawan Malaysia di sini hari ini, Syed Hamid berkata pihak berkuasa Indonesia tidak akan mengisytiharkan darurat ketika sidang kemuncak itu berlangsung dan telah meminta Menteri Penyelaras Politik, Sosial dan Keselamatan, Susilo Bambang Yudhoyono menentukan keselamatan wakil-wakil yang datang.

"Itu jaminan dan pengakuan Indonesia. Kita memandangkan buat masa ini tidak ada lagi tanda-tanda yang sidang kemuncak kali ini akan terjejas," katanya.

Beliau berkata Indonesia mahu wakil-wakil yang datang tidak berasa khuatir dan merasakan tidak selamat ketika berada di sini.

"Kalau kita tengok pada peringkat awal iaitu pada mesyuarat peringkat Menteri Perdagangan dan mesyuarat peringkat Menteri Luar sebelum ini, jelas ia tidak terjejas," katanya.

Syed Hamid berkata kedua-dua mesyuarat itu telah berjalan dengan licin tanpa sebarang gangguan.

Situasi politik di Indonesia tegang berikutan konflik antara Presiden Abdurrahman Wahid dan Dewan Perwakilan Rakyat (DPR).

DPR akan mengadakan persidangan esok bagi memutuskan perlu atau tidak sidang istimewa diadakan untuk menentukan kedudukan Abdurrahman atau lebih dikenali sebagai Gus Dur yang didakwa terlibat dalam dua skandal kewangan.

Jumaat lepas, Gus Dur mengancam akan mengisytiharkan darurat dan membubarkan DPR jika sidang istimewa itu diadakan.

Sidang Kemuncak G15 bermula esok di Jakarta Convention Centre. Ketua-ketua kerajaan termasuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mula tiba hari ini.

G15 dianggotai Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Colombia, Mesir, India, Indonesia, Iran, Jamaica, Kenya, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Sri Lanka, Venezuela dan Zimbabwe.

Inilah kali pertama Indonesia menganjurkan Sidang Kemuncak G15.

-- BERNAMA

MKO MAI